

**Pemimpin perlu bijak dalam membuat penilaian - Tun M
Astro Awani
11 Ogos 2018
Madiha Abdullah**

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan anak muda agar mengamalkan sistem nilai yang baik.

Ini kerana ia merupakan antara aspek paling penting dalam pembentukan karakter seseorang pemimpin.

Tegas perdana menteri, seorang pemimpin yang baik tahu meletakkan keutamaan atau *priority*, serta bijak dalam menilai sesuatu tindakan yang perlu diambil. "Orang kita menilai kegagalan apabila melihat rakan boleh pakai kereta mahal tetapi dia tidak boleh.

"Kerana itu, pemimpin bukan sahaja perlu berpengetahuan, tetapi juga tahu meletakkan nilai sesuatu perkara," kata beliau.

Kejayaan, kata Tun Mahathir, adalah apabila ada sesuatu disumbangkan kepada masyarakat, dan kegagalan adalah apabila tugas yang diberikan tidak dilaksanakan dengan baik.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia ke-12 di sini, hari ini.

Sidang kemuncak anjuran Kumpulan Perwakilan Pelajar Malaysia di United Kingdom, berlangsung selama sehari, dan turut membabitkan ahli-ahli panel seperti Ketua Pemuda UMNO, Datuk Asyraf Wajdi, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Sim Chee Keong dan Pengerusi CIMB Group, Datuk Seri Nazir Razak.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemimpin-perlu-bijak-dalam-membuat-penilaian-tun-m-182759>